

06 AUG 2002

PERJUMPAAN DENGAN AUNG SAN SUU KYI, DR MAHATHIR ENGGAN ULAS

PETALING JAYA, 6 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini enggan mengulas mengenai laporan berita mengenai kemungkinan beliau akan mengadakan perjumpaan dengan pemimpin pembangkang Myanmar Aung San Suu Kyi semasa melawat negara itu pertengahan bulan ini.

Dr Mahathir pada persidangan media selepas merasmikan Konvensyen Usahawan Wanita 2002 di sini hanya berkata: "Tiada pengesahan, tiada apa, tiada kenyataan."

Perdana Menteri berkata demikian sebagai menjawab soalan pemberita sama ada pemimpin Parti Liga Demokrasi Kebangsaan (NLD) Aung San Suu Kyi ada menjemput beliau untuk berjumpa dan sama ada Dr Mahathir akan berbuat demikian.

Sebuah akhbar tempatan hari ini melaporkan bahawa Dr Mahathir dijangka mengadakan pertemuan dengan Suu Kyi atas permintaan pemimpin pembangkang Myanmar itu semasa lawatan rasminya ke negara tersebut.

Dr Mahathir berkata lawatannya ke Myanmar adalah atas jemputan kerajaan negara itu.

Perdana Menteri dijadual mengadakan lawatan rasmi ke Myanmar selama dua hari mulai 18 Ogos depan yang merupakan lawatan keduanya. Lawatan pertamanya pada Januari tahun lepas.

-- BERNAMA
HK AHH MOZ